

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99**

SEPTEMBER 1998

EUP 201 - PENGURUSAN KEJURUTERAAN 1

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7) muka surat bercetak** dan **ENAM (6) soalan** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sisi sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

Mesinkira boleh digunakan.

1. (i) Terangkan dengan ringkas falsafah-falsafah pengurusan pemasaran berikut:
 - (a) konsep pengeluaran
 - (b) konsep jualan
 - (c) konsep pemasaran kemasyarakatan

(15/100)
- (ii) Bandingkan di antara strategi-strategi penyasaran pemasaran yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan.

(35/100)
- (iii) Bincangkan tindakan yang boleh di ambil oleh firma anda, apabila salah satu produk firma tersebut telah dikenalpasti berada pada peringkat kematangan dalam kitaran hayat produk.

(25/100)
- (iv) Mengapakah kebanyakkan daripada pengeluar menggunakan orang tengah untuk mengedara dan menjual barang kepada pengguna?

(25/100)

[EUP 201]

2. (i) Terangkan dengan ringkas istilah-istilah dalam sistem maklumat pemasaran berikut:
- (a) Rekod dalaman
 - (b) Siasatan pemasaran
 - (c) Penyelidikan pemasaran
- (15/100)
- (ii) Jika anda diperlukan untuk memetakkan sesuatu produk, apakah asas-asas pemetaan yang boleh anda gunakan?
- (35/100)
- (iii) Bincangkan bagaimana kuasa ekonomi mempengaruhi keputusan pengurus untuk memenuhi kehendak pengguna
- (25/100)
- (iv) Terangkan bagaimana kos mempengaruhi strategi penentuan harga.
- (25/100)

[EUP 201]

3. (a) Bincangkan kelebihan dan kekurangan kaedah pengekosan bahan langsung berikut:
- (i) Masuk Dahulu Keluar Dahulu (FIFO)
(ii) Masuk Kemudian Keluar Dahulu (LIFO)
- (20/100)
- (b) Anda diberi maklumat berikut tentang pergerakan bahan mentah yang dikenali dengan nama MR1 bagi syarikat HMO sehingga 31 Disember 199X.

Tarikh	Diterima ke dalam stok			Dikeluarkan kepada Jabatan Pengeluaran
	Kuantiti, liter	Harga seunit, RM	Nilai, RM	
Januari	200	2.00	400	—
Februari	—	—	—	100
April	500	3.00	1500	—
Mei	—	—	—	300
Jun	800	4.00	3200	—
Julai	—	—	—	400
Oktober	900	5.00	4500	—
Disember	—	—	—	1400

Dikehendaki:-

- (i) Kirakan kos bahan mentah yang dicaj kepada Jabatan Pengeluaran, menggunakan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu; dan Purata Berwajaran Selanjar.

(30/100)

[EUP 201]

- (c) Tulis nota pendek tentang langkah-langkah dalam pembahagian jumlah overhead pengeluaran kepada unit-unit yang dikeluarkan.

(20/100)

- (d) Maklumat berikut adalah daripada Jabatan Pengeluaran ABC Berhad untuk bulan Mac 19XI:

	Jabatan Pengeluaran, RM	Nombor Pesanan 123
Bahan langsung yang digunakan	120,000	20
Upahan langsung	180,000	25
Overhead yang dicaj	150,000	—
Bilangan jam buruh langsung	30,000	5
Bilangan jam mesin	10,000	2

Syarikat ABC Berhad menambah 50% sut kepada kos pengeluaran keseluruhan untuk membayar perbelanjaan pentadbiran dan untuk memberikan keuntungan.

Diperlukan:

- (i) Kira harga jualan untuk pesanan 123 jika overhead diserap menggunakan kaedah berikut: jam buruh langsung; dan jam mesin.
- (ii) Nyatakan kaedah manakah yang lebih elok digunakan oleh jabatan pengeluaran.

(30/100)

4. (a) Senaraikan lima kelemahan pengekosan margin. (15/100)

- (b) Berikut adalah maklumat Syarikat KLM sehingga 30 April 19X0.

	<u>RM</u>
Kos tetap	150
Kos berubah	300
Jualan (50,000 unit)	500

Diperlukan:

- (i) Kira: (1) Titik pulang modal dari segi nilai dan bilangan unit.

- (2) Margin keselamatan dari segi nilai dan bilangan unit.

- (ii) Sediakan carta pulang modal.

(30/100)

- (c) Senaraikan ciri-ciri penting kawalan belanjawan.

(20/100)

- (d) Huraikan prosedur belanjawan, dan dengan menggunakan carta aliran yang sesuai, tunjukkan hubungan yang wujud di antara belanjawan fungsi dalam membentuk sistem belanjawan.

(35/100)

[EUP 201]

5. (a) Senaraikan LIMA faktor luaran dan LIMA faktor dalaman yang mempengaruhi pengurusan sumber manusia.
(20/100)
- (b) Bincangkan perbezaan di antara ‘Pengurusan Personel’ dan ‘Pengurusan Sumber Manusia’.
(20/100)
- (c) Huraikan empat aktiviti Jabatan Sumber Manusia.
(30/100)
- (d) Tulis nota mengenai Perancangan Sumber Manusia.
(30/100)
6. (a) Apakah analisis kerja dan mengapakah ia penting bagi pengurusan sumber manusia.
(20/100)
- (b) Lakarkan model tiga penjuru bagi menggambarkan dinamisme hubungan industri. Bincangkan agenda utama yang dibawa oleh ketiga-tiga pihak yang terlibat dalam model tersebut.
(30/100)
- (c) Tulis nota mengenai penilaian prestasi.
(20/100)
- (d) Bincangkan LIMA isu yang merupakan sebahagian daripada cabaran kepada pengurusan sumber manusia masa kini.
(30/100)